

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (12)
Tarikh : 31 Mac 2016

**Ketua Pengarang
The Sun**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR THE SUN BERTAJUK "PENANS WANT CITIZENSHIP WOES RESOLVED" BERTARIKH 30 MAC 2016, RABU – M.S: 03 (NEWS WITHOUT BORDERS)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Puan Mujan Jok berkaitan masalah ketiadaan dokumen pengenalan diri masyarakat Penan di Sarawak.
3. Ingin dimaklumkan, JPN sentiasa komited dalam menangani isu dokumen pengenalan diri rakyat Malaysia khususnya di kawasan pedalaman dengan menyediakan kemudahan - kemudahan mudah akses seperti Program Outreach atau program turun padang.
4. Ingin dijelaskan, penubuhan Unit Khas Bergerak (UKB) di Sarawak yang merupakan Program Outreach telah dilaksanakan sejak tahun 2004. Pasukan UKB telah mempunyai jadual berkala sepanjang tahun di mana program pendaftaran bergerak yang dibuat meliputi hampir kesemua lokasi pedalaman termasuk penempatan masyarakat Penan. Bagi memastikan keberkesanan Program Outreach atau program turun padang di Sarawak, JPN telah menubuhkan UKB mengikut lima (5) Zon iaitu Zon Betong, Zon Bintulu, Zon Miri, Zon Kapit dan Zon Kuching agar penyampaian perkhidmatan di kawasan pedalaman dapat dibuat dengan lebih mudah, cepat dan menyeluruh.
5. Sehubungan dengan itu, kerajaan mengalu - alukan semua pihak menyalurkan maklumat kepada JPN agar JPN boleh turun padang membantu menangani masalah di lapangan mengikut permohonan samada daripada pihak individu atau NGO bagi memantapkan lagi program outreach ini. Jabatan ini menghargai dan mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Puan Mujan Jok dalam memberikan maklumat berkaitan isu ini.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

- s.k.:
1. YBhg. Dato' Sri KPPN
 2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
 3. YBrs. Tuan TKPPN (O)